

# Kembara Pahang FM, UMP

Oleh Mimi Rabita  
Abdul Wahit  
dnvarsiti@oharian.com.my

Janda baik

Seramai 52 mahasiswa dan warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Kembara Radio Malaysia Pahang FM bersama dengan UMP untuk mendekati masyarakat Kampung Janda Baik, Bentong, baru-baru ini.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata dengan UMP berbesar hati kerana berpeluang menjadikannya rakan kongsi Radio Malaysia Pahang FM yang menjadi penyiar serta memainkan peranan penting menyampaikan maklumat kepada masyarakat dalam menjayakan pelaksanaan program kembara itu.

"Kesempatan ini ditambah dengan ruang masa terluang bersempena dengan cuti semester yang menjadi peluang keemasan kepada peserta UMP untuk memasyarakatkan diri mereka menerusi pelbagai aktiviti yang diatur sepanjang dua hari program berlangsung.

"Walaupun masa terhad, persembakan singkat di Kampung Janda Baik ini tetap mampu menampilkan enam aktiviti yang menyasarkan empat segmen komuniti



Mahasiswa UMP sedang membimbing anak penduduk kampung.

## FAKTA NOMBOR

50 pelajar bakal menduduki UPSR tahun ini

kawasan ini iaitu kanak-kanak, remaja, masyarakat dan pendididkan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Perasmian Penutup Program Kembara Radio Malaysia Pahang FM bersama dengan UMP di Masjid Abu Bakar Kampung Janda Baik. Turut hadir, Ketua Pemuda Bahagian Bentong, Datuk

Johari Harun; Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Yuserrrie Zainuddin; Penyelaras Teknikal RTM Pahang, Fazmal Nizam Zainuddin dan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UMP, Abdul Na'em Suhaime.

**Aktiviti dianjurkan**  
Pelbagai program disusun bagi mengeratkan hubungan membabitkan warga UMP dan RTM serta penduduk kampung antaranya pertandingan mewarna kanak-kanak, sukaneka, motivasi pelajar, ceramah agama, kenduri rakyat dan pameran bagi mempromosikan universiti.

Ketibaan rombongan yang terdiri daripada Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PERSIS), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan warga kerja RTM serta UMP disambut Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKKK) Kampung Janda Baik, Jahari Arop. Sambutan itu cukup meriah

Prof Daing Nasir dan Johari (tengah) bergambar bersama-sama mahasiswa UMP dalam Majlis Perasmian Penutup Program Kembara Bela Malaysia Pahang FM dan UMP.



Aktiviti sukaneka turut diadakan.

dengan kehadiran lebih 100 penduduk kampung termasuk 20 keluarga yang menjadi ibu dan ayah angkat hadir bersama-sama ahli keluarga masing-masing.

Program bermula dengan acara penyerahan anak angkat dan diikuti dengan slot motiva-

si untuk kira-kira 50 pelajar sekolah yang akan menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun ini.

Seterusnya Ceramah Maulidur Rasul yang disampaikan Timbalan Kadi Daerah

Bentong, Roslan Mat Isa yang dihadiri penduduk setempat di Masjid Abu Bakar Kampung Janda Baik diadakan.

### Hubungan terjalin

Sementara itu, Johari berkata, pihaknya gembira di atas kesediaan warga UMP dan RTM

hadir berkampung di Janda Baik yang kaya dengan produk inap desa dan tumpuan pelancong asing bagi menikmati kehidupan suasana kampung.

Katanya, aktiviti yang dijalankan dapat memberi manfaat terutama dalam memberi suntikan semangat kepada anak-anak kampung, malah mahasiswa sendiri dapat mengeratkan hubungan bersama-sama keluarga angkat masing-masing.

"Diharapkan pendedahan ini dapat memberikan pengalaman kepada mahasiswa untuk mendekati dan memahami keperluan masyarakat setelah mereka menamatkan pengajian nanti," katanya.

Bagi Mohd Dum Taib, 47, yang mengusahakan chalet Rumah Bonda Homestay di Janda Baik, beliau berharap dapat menyertai program membabitkan mahasiswa UMP.

Katanya, kesempatan



Mahasiswa UMP dan penduduk kampung memeriahkan kenduri rakyat.

masa yang singkat itu memberi peluang kepadanya membawa anak angkat, Muhammad Ridwan Ismail dan Mohamad Aieuddin Jamaludin melawat sekitar kampung menjalankan aktiviti menjala ikan di sungai serta memetik buah-buahan di dusun miliknya.

Seorang lagi penduduk kampung, Noor Hanita Alias, 45, berkata beliau seronok menerima anak-anak angkat

dalam kalangan mahasiswa universiti, malah sehingga kini beliau mempunyai seramai 64 anak angkat dari dalam dan luar negara dan masih berhubung dengan mereka.

Program itu diakhiri dengan kenduri rakyat yang menyajikan menu kampung seperti gulai kawah, opor daging dan ulam-ulaman untuk dinikmati bersama-sama lebih 500 penduduk kampung.